



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN KURIKULUM KURSUS PENGENALAN KEPADA BIOLA MELAYU ASLI DALAM PROGRAM PENGAJIAN MUZIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IRFENDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN KURIKULUM KURSUS PENGENALAN KEPADA BIOLA
MELAYU ASLI DALAM PROGRAM PENGAJIAN MUZIK DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

IRFENDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6.....(hari bulan).....04..... (bulan) 2021....

i. Perakuan pelajar :

Saya, IRFENDI, M20162002487, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN KURIKULUM KURSUS PENGENALAN BIOLA MELAYU ASLI DALAM PROGRAM PENGAJIAN MUZIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MOHD. NIZAM NASRIFAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pembangunan Kurikulum Kursus Pengenalan biola Melayu Asli Dalam Program Pengajian Muistik di Universiti Pendidikan Sultan Idris

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

Ijazah Sarjana Pendidikan Muistik (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12-7-2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROF MADYA DR. MOHD NIZAM HJ. NASRIFAN
Jabatan Muistik
Fakulti Muistik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

DEMBANGUNAN KURIKULUM KURSUS PENGENALAN
BOLA MELAYU ASLI DALAM PROGRAM PENGAJIAN
MUZIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

No. Matrik / Matric's No.:

M20162002487

Saya / I:

IRFENDI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat termudah yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan itu dilakukan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

H. Ommi

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12-7-2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& Nama & Cop Rasmu / Name & Official Stamp)

PROF MADYA DR. MOHD NIZAM HJ. NASRIFAN
Jabatan Muzik
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
33000 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ialah SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pinangku/organisasi dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana berkat limpah dan kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Jutaan terimakasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Nizam bin Nasrifan selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbigan dan panduan serta ilmu sepanjang menyiapkan disertasi ini. Ribuan terimakasih juga kepada Profesor. Zaharul Lailiddin bin Saidon yang telah memberi sokongan dan dorongan serta ilmu kepada saya selama menyiapkan disertasi ini. Terimakasih kepada semua pensyarah Fakulti Muzik dan Seni Persembahan terutama Prof. Madya Dr. Mohd Kipli Abd Rahman, Dr. Collin Wong, Prof. Madya Dr. Mohd Hasan Abdullah yang telah melimpahkan ilmu kepada saya sepanjang pembelajaran Ijazah Sarjana. Seterusnya ucapan penghargaan kepada dua orang informan saya iaitu En. Ahmad Razli bin Ayub dan Che Mat bin Long yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Terimakasih juga diucapkan kepada tiga orang pakar penilai kurikulum iaitu Dr. Christin, Profesor. Zaharul Lailiddin bin Saidon dan Prof. Madya Dr. Hj Azam sulong. Terimakalah tidak terhingga juga diucapkan kepada ahli keluarga terutamanya ibu bapa Almarhum Rofeah binti Min dan Muhammad Isa Bin Sarkawi yang telah banyak memberikan sokongan dalam menyiapkan disertasi ini. Untuk abang, adik-adik yang juga telah bayak memberikan semangat dan dorongan dalam menyiapkan disertasi ini. Terimakasih juga saya ucapkan buat sahabat saya Anas Qhusyairi bin Rosli. Saya merakamkan terimakasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta Juliana, S.Ap yang telah banyak memberi masa serta dorongan dan kesabaran dalam menyiapkan disertasi ini. Akhirul kalam, Jika ada yang tertinggal untuk saya sebutkan dalam penghargaan ini maka saya mohon maaf yang sedalam-dalamnya. Segala jasa dan budi baik tuan-tuan semua akan sentiasa saya kenang. Semoga penulisan ilmiah ini boleh membantu mana-mana pihak yang bercadang menggunakan disertasi ini sebagai sumber rujukan.





ABSTRAK

Biola merupakan satu alat muzik yang penting dalam persembahan ensembel Melayu Asli yang berfungsi sebagai pembawa melodi utama dan memainkan kaunter melodi. Kemahiran permainan biola diwarisi secara informal dalam persekitaran masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menstrukturkan pengetahuan dan kemahiran biola Melayu Asli ini ke dalam institusi pendidikan formal dengan membangunkan kurikulum kursus Pengenalan kepada Biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama pengumpulan data yang berfokus kepada kerja mengenal pasti kandungan kurikulum yang diperolehi melalui kaedah temubual penggiat, kajian pustaka dan penganalisaan terhadap rakaman audio dan video permainan biola Melayu Asli. Fasa kedua memfokus kepada proses menstruktur kandungan yang telah dikenal pasti ke dalam format proforma kursus. Pada fasa yang terakhir, pengkaji telah mendapatkan penilaian pakar bagi mendapatkan maklum balas kesesuaian kurikulum yang telah dibangunkan untuk digunakan sebagai satu kursus bagi pengajian muzik. Hasil penilaian pakar telah menjadi panduan kepada pengkaji untuk menambahbaik proforma yang dibina sehingga akhirnya terhasil satu kurikulum kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli yang lengkap.





CURRICULUM DEVELOPMENT FOR INTRODUCTION TO MALAY ASLI VIOLIN COURSE IN MUSIC EDUCATION PROGRAM AT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

Violin is an essential musical instrument in Malay Asli ensemble which play the main melody and counter melody. Performance skill of Malay Asli violin is informally inherited within the community environment. This study aimed to structure the knowledge and skills of Malay Asli violin into the formal educational institutions by developing curriculum for Introduction to Malay Asli Violin course in music education program at Universiti Pendidikan Sultan Idris. This study used qualitative approach which is divided into three phases. The first phase of data collection focused on the work of identifying curriculum content obtained through interview with activists, literature review and analysis of audio and video recordings of Malay Asli violin performances. The second phase focused on the process of structuring the content that has been identified into the proforma format of the course. In the last phase, the researcher has obtained an expert evaluation to get feedback on the suitability of the curriculum that has been developed to be used as a course for music studies. The expert result was used to guide researcher to improve the proforma and finally produced a complete curriculum for the course of Introduction to Malay Asli Violin.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN



1.1	Latar belakang kajian	4
1.2	Pernyataan kajian	7
1.3	Tujuan dan objektif kajian	8
1.4	Persoalan kajian	9
1.5	Kepentingan kajian	10
1.6	Batasan kajian	11
1.7	Kerangka konseptual	11
1.8	Definisi istilah	12
1.9	Kesimpulan	15

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	16
2.1	Budaya	17





2.2	Transmisi permainan biola Melayu Asli	18
2.2.1	Pendidikan Formal	19
2.2.2	Pendidikan informal	20
2.2.3	Pendidikan Non formal	21
2.3	Biola Melayu asli	22
2.4	Konsep Kurikulum	24
2.4.1	Model kurikulum Tayler	25
2.4.2	Model kurikulum Stenhouse	25
2.4.3	Model kurikulum Taba	27
2.4.4	Pemilihan model taba sebagai model kurikulum	28
2.5	Kesimpulan	29

BAB 3METODOLOGI KAJIAN



3.1	Reka bentuk kajian	31
3.2	Kaedah pengumpulan data	33
3.2.1	Temu bual	33
3.2.2	Pemerhatian	35
3.2.3	Kajian Pustaka	36
3.2.4	Diskografi	37
3.3	Analisis data	38
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
3.5	Penutup	42

BAB 4DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	43
-----	-------------	----





4.1	Apakah kandungan kurikulum kursus pengenalan biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris	44
4.1.1	Sejarah biola Melayu Asli	44
4.1.2	Fungsi biola dalam ensemel muzik MelayuAsli	46
4.1.3	Anatomi Biola	47
4.1.4	Penjagaan dan perawatan biola	49
4.1.5	Teknik memegang biola	49
4.1.6	Teknik memegang penggesek/ <i>bow</i> biola	51
4.1.7	Postur	53
4.1.8	Talaan biola	54
4.1.9	Teknik asas dan penjarian dalam permainan biola melayu asli	55
4.1.10	Teknik menggesek bioala Melayu Asli dalam rentak/ritma	56
4.1.11	Lagu-lagu Melayu Asli	58
4.1.12	Ornamentasi dalam biola Melayu Asli	60
4.1.13	Cara memainkan lagu dalam biola Melayu Asli	61
4.1.14	Skel dan latihan	62
4.1.15	Perbezaan biola Melayu Asli dan biola klasikal	63
4.1.16	Tokoh-tokoh biola Melayu Asli Malaysia	64
4.1.17	Kriteria penilaian pembelajaran biola Melayu Asli	64
4.1.18	<i>Vibrato</i> dalam biola Melayu Asli	65
4.1.19	Teknik dalam mennganalisa lagu-lagu Melayu Asli	66
4.1.20	Istilah-istilah khusus dalam permainn biola Melayu Asli	67
4.2	Bagaimanakah kandungan kurikulum Biola Melayu Asli distrukturkan mengikut Program Pengajian Muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris?	73





4.2.1	Komponen Dalam Pembinaan Proforma	74
4.2.1.1	Tajuk kursus	75
4.2.1.2	Sinopsis	76
4.2.1.3	Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcomes)	77
4.2.1.4	Strategi pengajaran	80
4.2.1.5	Pemeringkatan isi kandungan	82
4.2.1.6	Penilaian	86
4.3	Sejauh manakah kebolehgunaan kurikulum kursus pengenalan Kepada permainan biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris	91
4.3.1	Tajuk Kursus	91
4.3.2	Sinopsis kursus	92
4.3.3	Hasil pembelajaran kursus (CLO)	92
4.3.4	Pemetaan hasil pembelajaran kursus kepada hasil Pembelajaran program	93
4.3.5	Kemahiran yang boleh dipindahkan	93
4.3.6	Pemeringkatan isi kandungan kursus dari minggu 1 hingga minggu 14	94
4.3.7	Pengagihan jam pembelajaran pelajar (SLT) mengikut Pembahagian topic	95
4.3.8	Penajaran pentaksiran dengan hasil pembelajaran kursus	96
4.3.9	Kaedah pengajaran	97
4.3.10	Senarai rujukan	98
4.3.11	Maklum balas tambahan	99
4.4	Kesimpulan	99
5.0	Pendahuluan	100

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN





5.1	Perbincangan	101
5.1.1	Budaya	101
5.1.2	Tranmisi permainan biola Melayu asli	105
5.1.3	Adaptasi model taba sebagai model pembinaan kurikulum kursus pengenalan kepada permainan biola Melayu Asli	107
5.2	Cadangan kajian lanjutan	113
5.2.1	Kajian untuk mendapatkan data bagi membina kursus kursus applied biola Melayu Asli peringkat 1-4	113
5.2.2	Kajian terhadap alat permainan Melayu yang lain	113
5.2.3	Pengkajian terhadap kesesuaian pelaksanaan kurikulum asas permainan biola Melayu asli di kalangan pelajar	114
5.3	Rumusan	115
	RUJUKAN	118





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Suat
4.1 Pemeringkatan Isi Kandungan Kursus	85
4.2 Penajaran Pentaksiran Dengan Hasil Pembelajaran Kursus	89





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	12
3.1 Aliran Metodologi Pembangunan Kurikulum Pengajaran dan Pembelajaran Biola Melayu Asli untuk Institusi Formal	32
4.1 Nama dan Sinopsis Kursus	77
4.2 Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)	79
4.3 Pemetaan CLO dan PLO beserta Teknik Pengajaran dan Pentaksiran	81
4.4 Contoh isi kandungan dan peruntukan jam pembelajaran	84
4.5 Penilaian berterusan (continuous assessment) dan penilaian akhir (final assessment)	88





SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol temu bual
- B Transkipsi temu bual
- C Proforma kursus
- D Penjajaran pentaksiran dengan hasil pembelajaran kursus
- E Penilaian pakar terhadap kesesuaian item-item dalam proforma dan penjajaran konstruktif kursus pengenalan kepada permainan biola Melayu Asli
- F Skor lagu-lagu Melayu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pendahuluan

Ensembel Muzik Melayu Asli merupakan salah satu genre muzik tradisional yang agak popular di sekitar tahun 40-an dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di negeri Melaka dan Johor (Syafa'atussara Silahudin, 2013). Genre muzik ini turut menjadi persembahan kegemaran di istana dan dalam kalangan orang atasan pada zaman silam (Abdul Fatah Karim, 1980). Ensembel muzik Melayu Asli turut dikenali sebagai Muzik Asli yang membawa maksud asal atau mula. Menurut pandangan Che Mat Jusoh (2006), istilah asli dikaitkan dengan rentak-rentak baru dan tersendiri yang mula-mula dipakai oleh masyarakat Melayu setelah mereka dapat memainkan alat muzik tempatan. Begitu juga dengan Mohamed Ghous Nasuruddin (2003) yang berpandangan bahawa perkataan ‘asli’



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dalam kontekss muzik tradisional Melayu ialah gaya nyanyian dan paluan gendang dengan rentak tempatan iaitu joget, zapin, inang, masri dan asli.

Ensemel Muzik Melayu Asli dikategorikan sebagai genre muzik tradisional sinkretik kerana menggabungkan elemen tempatan dengan elemen luar. Ini dapat dilihat melalui alat muzik yang terdapat dalam persembahan ensemel muzik Melayu asli yang menggunakan gabungan alat tempatan dan muzik daripada luar. Alat muzik yang wajib dalam persembahan Ensemel Melayu Asli adalah Biola, Gong, Rebana, dan Akordion. Namun demikian, hari ini terdapat juga persembahan yang menggunakan Gitar dan Flut. Gong dan Rebana berperanan memainkan rentak-rentak tempatan manakala Biola dan Akordion berperanan memainkan melodi dan kaunter melodi.

Bagi mengiringi lagu Melayu asli, Biola memainkan peranan yang sangat penting. Selain Akordian, Biola berfungsi sebagai melodi utama dan juga sebagai alat yang memainkan kaunter melodi dalam mengisi kekosongan vokal dengan memasukkan improvisasi yang sesuai. Jika lagu dimainkan secara instrumental, maka akordion dan biola akan memainkan melodi keseluruhan secara bergilir-gilir mengikut improvisasi masing-masing dalam sesuatu lagu Melayu asli (Nor Azura Bakar, 2014).

Lagu-lagu yang dimainkan oleh ensemble muzik Melayu asli dengan irangan rentak-rentak Melayu tergolong dalam kategori lagu-lagu tradisional Malaysia. Di antara lagu-lagu tradisional Melayu asli yang dimainkan oleh Ensemel Muzik Melayu Asli ialah Seri Mersing, Patah Hati, Siti Payong, Sri Siantan, Perigi Biru, Embun Menitik dan Burung



Putih. Damak, Tudung Periuk, Bunga Tanjung, Makan Sirih, Serampang Laut, Bentan Telani, Ayam Didek, Sembawa Balek, Johore Sport Club, Mendam Berahi, Inang Lama, Tudung Saji. Cara penyampaian lagu-lagu Melayu Asli ini adalah menarik dan agak berbeza daripada gaya penyampaian lagu-lagu barat. Salah satu daripadanya ialah elemen melesmatik yang dinamakan sebagai cengkuk atau lengkok Melayu asli oleh penyanyi dan juga pada permainan biola. Ini menjadikan persembahan muzik asli begitu menarik kerana mempunyai keunikan yang tersendiri.

Keistimewaan muzik tradisional Melayu Asli seharusnya dipelihara dan terus menjadi kebanggaan sebagai warisan dan lambang jati diri bangsa Melayu di Nusantara. Salah satu langkah yang dirasakan amat berkesan untuk memelihara muzik warisan seni ini adalah melalui pendidikan formal (Dadang, 2016). Begitu juga dengan Noliza Rofli (2013), dalam kertas kerja beliau yang dibentangkan dalam Seminar Hala Tuju Sekolah Seni. Beliau menjelaskan tentang Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) dan penubuhan 5 Buah Sekolah Seni yang dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan untuk membuka peluang generasi muda untuk mempelajari muzik tradisional. Justeru, genre muzik Melayu termasuk ensembel muzik Melayu Asli harus diperkenalkan di instititusi pendidikan formal iaitu di sekolah mahupun di instititusi pengajian tinggi. Oleh itu, satu kurikulum perlu dibangunkan bagi tujuan proses pembelajaran dan pentaksiran nyanyian dan permainan alat-alat dalam Ensembel Muzik Melayu Asli yang lebih berstruktur dan relevan dengan corak pendidikan hari ini.





Usaha awal ke arah ini telah dilaksanakan oleh beberapa penyelidik terdahulu khususnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Antaranya ialah Nor Azura Bakar (2014) dan Tengku Ritawati Tengku Dachlan (2016). Namun demikian penyelidikan mereka terbatas kepada aspek nyanyian lagu Melayu Asli. Justeru terdapat keperluan untuk mengembangkan usaha awal ini kepada pembangunan kurikulum untuk alat-alat muzik dalam Ensembel Muzik Melayu Asli termasuk permainan biola. Oleh itu, kajian yang dicadangkan ini berhasrat memberi fokus kepada aspek permainan biola dalam kontekss Ensembel Melayu Asli. Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk membangunkan kurikulum Asas permainan Biola Melayu Asli Untuk Institusi Pengajian Tinggi.



Dengan rakyatnya yang berbilang bangsa dan kaum, Malaysia kaya dengan khazanah warisan seni muziknya. Ini merupakan keunikan Malaysia yang seharusnya menjadi kebanggaan setiap warganegaranya. Kewujudan pelbagai genre dan bentuk muzik tradisionalnya, sudah tentunya menjadi sebahagian daripada identiti bangsa Malaysia. Bagi orang Melayu, sebahagian daripada jati dirinya terletak kepada kehalusan dan keindahan muzik tradisinya yang perturunkan daripada satu generasi ke satu generasi. Di antara genre muzik tradisional Melayu ialah Ensembel Muzik Melayu Asli yang begitu istimewa dengan ciri-ciri yang tersendiri.





Seperti kebanyakan pembelajaran genre muzik tradisional Melayu, Ensembel Muzik Melayu Asli diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi secara informal dan tidak formal. Secara tradisinya, penyanyi dan pemuzik Ensembel Muzik Melayu Asli mempelajari dan memperolehi kemahiran menyanyi dan bermain alat muzik melalui tunjuk ajar adiguru atau pun melalui pemerhatian serta imitasi. Proses pembelajaran kurang berstruktur dan tidak berpandukan sebarang kurikulum tertentu seperti yang terdapat dalam pendidikan formal. Oleh kerana itu, biasanya proses mempelajari dan memperolehi kemahiran bermain sesuatu alat dalam Ensembel Muzik Melayu Asli akan mengambil masa yang agak lama. Di samping itu, bukan mudah untuk mencari dan mendapatkan khidmat adiguru yang mengajar muzik tradisional termasuk Ensembel Muzik Melayu Asli.



Keadaan seperti yang diuraikan di atas pastinya tidak membantu usaha untuk meningkatkan apresiasi dan seterusnya melestarikan warisan muzik tradisional termasuk Ensembel Muzik Melayu Asli, khususnya dalam kalangan generasi muda. Akhirnya mereka lebih tertarik mempelajari genre muzik barat di mana proses pembelajaran lebih berstruktur dan diorganisasikan dalam bentuk kurikulum yang formal. Tambahan pula peluang mempelajari alat muzik barat dengan mudah untuk diikuti kerana ditawarkan di pelbagai institusi pendidikan formal termasuk di sekolah-sekolah muzik swasta yang terdapat di seluruh pelusuk negara.

Beberapa orang penyelidik melahirkan kebimbangan mereka terhadap masa depan muzik tradisional dalam persaingan dengan muzik dari Barat. Leung dalam Zaharul Lailiddin (2014), menyatakan bahawa corak pendidikan muzik di Malaysia begitu



terpengaruh oleh sistem pendidikan muzik yang berorientasikan sistem pendidikan barat. Para pelajar lebih cenderung untuk mempelajari muzik barat daripada mempelajari muzik tradisional tempatan. Antara bukti yang dapat dilihat, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang teramai calon yang dalam menduduki peperiksaan *The Associated Board of the Royal School of Music* (Shahanum Mohd Shah dan Zaharul Lailiddin Saidon, 2015). Begitu juga Mohamed Ghous Nasaruddin dalam Zaharul Lailiddin Saidon (2014), yang menyatakan bahawa generasi muda Malaysia telah menjadi asing kepada warisan budaya seni mereka sendiri, malahan menganggap seni persembahan Melayu sebagai tidak lagi sesuai dengan dunia moden hari ini.

Oleh itu tidak menghairankan kebanyakan pemain biola di Malaysia menerima latihan yang berorientasikan sistem pendidikan Barat samada di sekolah kerajaan mahu pun swasta. Kebanyakkan mereka menerima pendidikan mengikut pendekatan dan dibawah sistem *Asociated Board of Royal School of Music* (Zaharul Lailiddin Saidon, 2013). Sudah tentunya mereka lebih mengenali komposer, stail dan repertoire klasikal barat daripada tempatan. Keadaan ini menyebabkan tidak adaimbangan yang baik di antara bilangan pemain biola yang mempelajari teknik permainan biola Melayu Asli dengan teknik permainan biola klasikal barat. Justeru, usaha menerap minat terhadap muzik tradisional Melayu dalam kalangan generasi muda agak kurang berhasil.

Situasi dan fenomena seperti yang digambarkan di atas telah mencetuskan idea dan mendorong kajian yang dicadangkan ini. Satu kurikulum permainan biola Melayu Asli harus dibangunkan dalam kerangka sistem pendidikan formal sedia ada. Dengan adanya

silibus, bentuk pembelajaran dan pentaksiran yang lebih berstruktur yang kemudiannya diimplementasikan di institusi formal, diharapkan akan menarik lebih ramai pemain biola yang berpeluang mempelajari muzik biola Melayu Asli. Seterusnya dengan pembangunan kurikulum biola Melayu Asli ini akan membantu usaha memperturunkan tradisi seni ini kepada generasi baru sebagai pewaris kelestariannya.

1.2 Pernyataan Masalah.

Satu kurikulum yang standard harus dibangunkan bagi membolehkan pembelajaran Ensemبل muzik Melayu Asli ditawarkan sebagai kursus dalam program pengajian di institusi pendidikan formal, samada di sekolah mahupun di universiti. Begitu juga, sekiranya permainan biola Melayu Asli ingin ditawarkan sebagai alat major dalam program muzik di institusi formal, satu bentuk kurikulum harus dibangunkan. Namun demikian, usaha membangunkan satu kurikulum untuk biola Melayu Asli adalah satu kerja yang agak mencabar dan rumit. Banyak aspek yang perlu diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya dalam membangunkan kurikulum berkenaan. Permasalahan utama ialah untuk mencari jawapan kepada persoalan “apakah yang perlu dipelajari dan bagaimana mempelajari biola Melayu Asli?” Seterusnya ialah mencari jawapan kepada persoalan “bagaimana menilai pencapaian dalam permainan Biola Melayu Asli”. Dalam lain perkataan, cabaran pertama ialah untuk mengenal pasti kandungan kurikulum biola Melayu Asli. Di antara aspek kandungan kurikulum Biola Melayu Asli yang perlu dikenal pasti termasuk pengetahuan latar belakang sejarah, Anatomi, teknik gesekan dan istilah tradisi



permainan biola Melayu Asli, ungkapan serta istilah tempatan yang diguna pakai oleh tenaga pengajar dalam sistem pengajaran mereka. Seterusnya, kandungan yang telah dikenal pasti perlu diorganisasikan mengikut aras kesukaran dan menentukan tahap-tahap yang bersesuaian. Akhir sekali ialah menentukan kaedah untuk menilai pencapaian kemahiran berdasarkan kandungan Biola Melayu Asli yang telah distruktur.

Namun demikian, usaha bagi mengenal pasti kandungan dan cara menilai kemahiran bermain biola Melayu Asli seringkali menemui cabaran disebabkan terlalu sedikit kajian yang dijalankan tentang proses pembelajaran dan pengajaran biola Melayu Asli. Begitu juga sumber rujukan tentang sistem pengajaran dan mempelajari Biola Melayu Asli adalah agak terhad. Tambahan pula pembelajaran Biola Melayu Asli ini adalah secara informal dan bukan formal. Pembelajaran berlaku secara lisan tanpa rujukan nota muzik dan menuntut pelajar untuk mengingat (Rahman, 2009).

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian yang dicadangkan ini adalah untuk membangunkan kurikulum kursus Pengenalan Kepada Permainan Biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Secara khusus objektif kajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:



- 1) Mengenalpasti kandungan yang ingin dimuatkan ke dalam kurikulum kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 2) Menstrukturkan kandungan kurikulum Biola Melayu Asli yang telah dikenal pasti mengikut format proforma yang ditetapkan oleh bahagian Akademik Universiti Pendidikan Sutan Idris.
- 3) Menentukan kesesuaian kandungan kurikulum Biola Melayu Asli yang dibangunkan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, persoalan yang ingin dijawab melalui kajian yang dicadangkan ini adalah seperti berikut:

1. Apakah kandungan kurikulum kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris?
2. Bagaimanakah struktur kandungan kurikulum kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli dalam program pengajian muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris mengikut format proforma yang ditetapkan oleh bahagian Akademik Universiti Pendidikan Sutan Idris?
3. Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli yang dibangunkan?



1.5 Kepentingan kajian

Kurikulum Biola Melayu Asli dibangunkan atas kepentingan untuk membantu tenaga pengajar dalam mengajar dan para pelajar mempelajari teknik permainan Biola Melayu Asli secara sistematik dan berkesan. Kurikulum kursus kursus Pengenalan Kepada Biola Melayu Asli telah dirancang untuk satu kemudahan bagi pelajar dalam mendapatkan permainan biola Melayu Asli. Namun demikian, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan untuk pembelajaran dan pengajaran teknik asas permainan Biola Melayu Asli di semua peringkat institusi pendidikan formal.

Kajian ini tercetus daripada keinginan untuk memahami lebih mendalam mengenai tradisi permainan Biola Melayu Asli. Diharapkan supaya hasil kajian ini dapat menyumbang dan membantu usaha dalam memartabatkan dan melestarikan permainan Biola Melayu Asli sebagai warisan bangsa Melayu yang tiada nilainya. Menurut Noor Izzah (2005) permainan muzik tradisional termasuk Biola Melayu Asli, tidak mendapat tempat yang sepatutnya dan kurang diberikan pendedahan kepada masyarakat umum. Dengan terbangunnya kurikulum ini, muzik tradisional terutamanya permainan biola Melayu asli ini mendapat tempat yang sepatutnya. Seterusnya diharapkan supaya lebih ramai generasi muda yang berminat dan mempunyai kesedaran tentang nilai serta kepentingan memelihara warisan muzik mereka sendiri.





1.6 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai batasan seperti berikut:


- a) Terbatas kepada biola Melayu Asli.
- b) Data-data yang diperolehi hanya melalui kaedah temubual, kajian pustaka, pemerhatian dan diskografi.
- c) Hanya dua orang pakar yang menjadi penggiat biola Melayu Asli dilibatkan dalam mendapatkan maklumat.
- d) Pembinaan kurikulum kursus pengenalan biola Melayu Asli ini adalah berpandukan format proforma yang ditetapkan oleh bahagian Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris.



1.7 Kerangka Konseptual

Pembelajaran biola secara tradisional adalah secara pendidikan informal. Justeru tujuan kajian ini ialah untuk membangunkan kurikulum pembelajaran biola secara formal untuk Institusi Pengajian Tinggi berpandukan model kurikulum sedia ada. Proses membangunkan kurikulum ini merangkumi diagnosis keperluan, penentuan objektif, pemilihan dan mengorganisasi kandungan dan pengalaman pembelajaran serta penilaian.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Biola

Menurut Rohaya Ahmad (2007), biola merupakan alat bertali yang terdiri daripada badan dan juga penggesek. Struktur terpenting biola adalah badan biola yang terdiri daripada papan bunyi, dinding kedua-dua tepi, belakang badan dan *fingerboard*. Manakala



penggesek biola terdiri daripada kayu dan juga sejumlah tali penggesek yang terbuat dari rambut ekor kuda.

1.8.2 Institusi Formal

Menurut Monica McLean (2006) didalam penulisan terlatih Tengku Ritawati (2016), institusi formal merupakan satu organisasi pendidikan yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara sistematik, berstruktur dan berperingkat berpandukan kurikulum dan dikendalikan oleh guru terlatih.



1.8.3 Kelestarian

Kelestarian ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mengekalkan sesuatu aktiviti atau proses dalam jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan masa kini tanpa menjaskannya keupayaan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka sendiri.



1.8.4 Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia kurikulum ditakrifkan sebagai segala rancangan yang dikehendaki oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran bagi memenuhi matlamat pendidikan (Buku laporan Jawatankuasa kabinet 1979).

1.8.5 Muzik Melayu Asli

Pendefinisan perkataan “Asli” di penghujung perkataan Melayu adalah asal atau mula. Ada juga pandangan lain yang mengatakan istilah asli itu adalah rentak yang mula-mula dipakai oleh orang Melayu setelah mereka dapat memainkan alat muzik tempatan, dengan ini lahir satu rentak baru yang tidak ada sebelumnya (Che mat Jusoh,2006). Muzik asli turut dikaitkan dengan ronggeng iaitu sejenis tarian sosial yang melibatkan kaum leleki dan perempuan, mereka menari sambil berpantun dengan irungan alat muzik biola, akordion, rebana dan gong. Penggunaan alat muzik yang sama dapat dilihat diantara permainan muzik ronggeng dan ensemble Asli. Muzik ronggeng juga mirip dengan salah satu genre asli iaitu irama joget.



1.8.6 Biola Melayu Asli

Biola Melayu Asli merupakan alat muzik utama dalam ensemble muzik Melayu Asli bagi mengiringi lagu-lagu Melayu Asli dalam bentuk mengiringi orang bernyanyi mahupun dalam bentuk instrumental. Permainan biola Melayu Asli penuh dengan Ornamentasi seperti Bunga, Lenggok, Patah serta mendayu-dayu. Skor lagu dalam permainan biola Melayu Asli hanya sebagai guide sahaja dan ianya lebih kepada penghayatan serta rasa terhadap lagu yang dimainkan.

1.9 Kesimpulan



Bab ini telah memperkenalkan latar belakang, permasalaan, objektif dan persoalan kajian. Di samping itu, kerangka konseptual dan batasan kajian telah juga dibincangkan. Akhir sekali definisi istilah telah turut dijelaskan bagi memudahkan pembaca memahami dan mengikuti bab-bab seterusnya. Bab kedua akan memberi fokus kepada perbincangan hasil tinjauan literatur yang berkaitan dengan topik dan permasalahan kajian yang dicadangkan ini.

